Royalti Petroleum: Kelantan kaji batal perjanjian dengan Petronas

Contributed by admin
Wednesday, 04 November 2009 18:16

(Siasah) - Kerajaan Kelantan mengkaji kemungkinan membatalkan perjanjian menyerahkan hak cari gali kepada Petonas jika royalti petroleum tidak diberikan kata Exco ekonomi dan kewangannya, Datuk Husam Musa.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Meteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengumumkan di Dewan Rakyat hari ini bahawa Kelantan hanya akan diberi Wang Ehsan oleh Kerajaan Pusat daripada hasil pengeluaran minyak di luar pesisir pantai negeri itu.

Sebelum ini, Menteri Besar Kelantan telah menghantar surat kepada Perdana Menteri mengenai tuntutan bayaran royalti 5 peratus, yang berjumlah RM1 bilion, hasil petroleum dan gas cecair di peraiaran Kelantan.

Kerajaan negeri membuat tuntutan tahun ini berdasarkan laporan dari Jabatan Perangkaan bahawa cari gali petroleum itu telah beroperasi sejak 2004 dan tuntutan royalti RM1 bilion itu dikira bermula dari 2004 hingga kini.

Keputusan untuk mengkaji kemungkinan membatalkan perjanjian hak cari gali itu dicapai dalam mesyarat Exco hari ini berikutan pengumuman Najib pagi ini di Parlimen dan ia akan dikaji oleh panel peguam yang akan dilantik oleh kerajaan negeri.

Husam turut mempertikaikan penggunaan istilah "wang hsan" sebagai bentuk bayaran kepada Kelantan sedangkan "bayaran royalti" digunakan untuk bayaran di Terengganu , Sabah dan Sarawak.

"Nyata asas yang disebut oleh Perdana Menteri (kedudukan lokasi cari gali di luar pesisiran pantai sejauh) 3 batu nautika adalah tidak berasas bagi kes-kes Sabah, Sarawak dan Terengganu."

Ia sengaja digunakan untuk mendiskriminasikan kerajaan dan rakyat Kelantan," katanya.

Hussam juga berkata, kerajaan negeri mahu wang ehsan dibayar terus kepada kerajaan negeri dan sebuah badan penyelaras akan ditubuhkan yang akan turut dianggotai wakil kerajaan pusat untuk memantau penggunaan wang tersebut.

Beliau berharap Perdana Menteri dapat mengkaji semula dan mengambil kira tuntutan ini berdasarkan prinsip kesaksamaan, kedaulatan wilayah dan semangat federalisma yang utuh serta penghormatan perjanjian yang temaktub demi kesejahteraan dan kehormanian Malaysia.

Menurut Husaam antara isu yang akan dicadang di pertimbangkan oleh panel peguam ialah:

1. Kemungkinan mengambil tindakan mahkamah untuk membatalkan perjanjian penyerahan hak kepada Petronas untuk cari gali dan mengeluarkan sumber petoleum dan lautan negeri Kelantan 1975 jika tuntutan royalti minyak tidak dipatuhi.

2. Kerajaan negeri mungkin akan mengambil tindakan mahkamah di luar negara termasuk perintah injunksi menghentikan pengeluaran di JDA (Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand) dan CAA (Kawasan Pengurusan Komersial Malaysia-Vietnam) yang melibatkan entiti dan syarikat antarabangsa. Segala keputusan muktamad akan ditentukan kemudian setelah mengambil pandangan dari penal peguam tersebut.